

Headline	KENANG JASA PAKAR BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	638 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 25,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,400



KENANG JASA PAKAR BULUH

FRIM anjur seminar sebagai penghormatan kepada Prof Walter Liese

RENCANA

Mohamad Hussin

mohamad_hussin@hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menganjurkan satu seminar sebagai penghormatan kepada saintis buluh terkenal Prof Walter Liese di FRIM, Kepong, baru-baru ini.

Seminar ini bertujuan memperingati sambutan ulang tahun Liese ke-90 serta mengumumkan pelancaran awal Seminar Buluh Asean (Asean Bamboo Seminar 2016 atau ABS2016) yang akan diadakan pada 27 hingga 29 September di Kuala Lumpur.

Seramai 100 peserta terdiri daripada penyelidik, usahawan, pihak yang berminat dalam bidang penyelidikan buluh serta mereka yang pernah bekerja dengan Liese menghadiri seminar berkenaan.

Seminar ini dimulakan dengan persembahan video rakaman mesej daripada Liese yang tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan.

Bekas Ketua Pengarah FRIM Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor dan Prof Dr Arno Fruehwald dari University of Hamburg turut menyampaikan ceramah penghormatan kepada Liese.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod membentangkan topik bertajuk 'Status penyelidikan dan pembangunan (R&D) Buluh di Malaysia'.

Penerima David Fairchild Medal for Plant Exploration pada tahun 2009, Dr Francis Ng turut menyampaikan ceramah bertajuk 'The Arrow of Time in Forest Management and Research'.

Selain itu, bekas Pengarah Forest Products

Research and Development Institute (FFRDI) di Filipina, Dr Florentino Tesoro turut membentangkan sumber buluh di Filipina yang dibaca Dr Wan Tarmeze Wan Ariffin.

Liese saintis cemerlang yang menjalankan penyelidikan terhadap buluh sejak 1958. Sebagai pakar anatomi dan pemeliharaan buluh, beliau menghasilkan ratusan artikel, buku, laporan teknikal dan kajian 'feasibility' buluh.

Beliau menyelia lebih 60 tesis doktor falsafah (PhD) berkaitan buluh. Malah ramai daripada pelajarnya menjadi saintis buluh terkenal termasuk Abd Latif dan Prof Yulong Ding (INBAR).

Hasil kerja dan peranannya sebagai mentor banyak menyumbang kepada pertumbuhan modal insan dan perkembangan pengetahuan mengenai buluh di rantau ini.


Majlis Pelancaran Awal ABS2016 anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM), FRIM, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) diadakan selepas seminar penghormatan ini.

Majlis dirasmikan bersama Abd Latif, Ketua Pusat Pengajian Teknologi Industri UiTM Prof Madya Dr Zainal Samicho, Ketua Pegawai Eksekutif FITEC Datuk Abd Rahim Abd Ghani, Pengarah Perladangan Hutan MTIB Kamaruzaman Othman dan Penolong Pengurus Besar (Pembangunan Sumber) PUSAKA Paul Lau Ngie Hung.

Objektif ABS2016 yang bertemakan, 'Sustainability



ARNO Fruehwald.



DR Francis.

and Advancement in Bamboo Utilisation' untuk meningkatkan kesedaran mengenai buluh dan produk berkaitan ke arah kehidupan dan pertumbuhan ekonomi ASEAN.

Isu, cabaran dan hala tuju dalam perladangan buluh, penghasilan, pemasaran dan komuniti akan dibincangkan di seminar berkenaan dengan harapan hasil ABS2016 akan memanfaatkan Malaysia serta negara ASEAN lain dalam pembangunan industri berasaskan buluh di samping memulihara alam sekitar.

Seminar ini juga menyediakan platform untuk perkongsian maklumat mengenai amalan terbaik di dunia dalam industri berkaitan buluh.

Pihak penganjur ABS2016 juga akan bekerjasama dengan industri serta agensi berkaitan di Malaysia dan ASEAN.

Headline	KENANG JASA PAKAR BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	638 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 25,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,400

INFO

Pasar Tani Aidilfitri hari ini.

Johor

- Datin Halimah: 7 pagi -12.30 tengah hari di Jalan Stadium Larkin, Johor Bahru
- Pontian: 7 pagi -12 tengah hari di tempat letak kereta Pasar Lama, Pontian
- Taman Pelangi: 7 pagi -12 tengah hari di Taman Pelangi, Segamat

Kuala Lumpur

- Selayang: 7 pagi - 6 petang di Selayang Baru Batu Caves, Selangor

Kedah

- Pendang: 7 pagi -12 tengah hari di Tapak Kolam MADA Pendang
- Tandop, Kubang Rotan: 7 pagi - tengah hari di Tandop Kubang Rotan.
- FAMA Kuala Ketil: 9 pagi - 6 petang di pekan Kuala Ketil

Negeri Sembilan

- Ampangan: 7 pagi - tengah hari di Flat Uda, Ampangan
- Pasir Besar: 7 pagi - 12 tengah hari di sebelah stesen minyak BHP

Pahang

- UTC Kuantan: 7 pagi - 1 tengah hari di tapak parkir UTC Pahang
- Indera Mahkota: 2 petang - 7 malam di Perumahan PADSEC Makmur
- Jerantut: 7 pagi - 12 tengah hari di Jerantut

Kelantan

- Taman Bendahara: 7 pagi - 1 tengah hari berhampiran Pasaraya Pantai Timur
- Dataran KADA, Kok Lanas: 8 pagi - 1 tengah hari di Dataran KADA
- Pasir Puteh: 8 pagi - 6 petang di Bukit Tanah (kanopi), Selising

Terengganu

- Padang Hiliran: 7 pagi - 2 petang di parkir Gelanggang Tennis MPKT
- Kuala Berang: 7 pagi -1 8 pagi - 6 petang di belakang Pejabat Pos Kuala Berang
- Chukai, Kemaman: 8 pagi - 12 tengah hari Bersebelahan Masjid Sultan Ahmad

Melaka

- Jasin: 7 pagi -12 8 pagi - 6 petang di tapak letak kenderaan Stadium Jasin
- Merlimau: 7 pagi -12 8 pagi - 6 petang berhampiran perhentian bas Merlimau

Selangor

- Seksyen 6, Kelana Jaya: 7 pagi -12 8 pagi - 6 petang di Kompleks Sukan FAMA Kelana Jaya
- Desaraya Sungai Sireh: 9 pagi - 6 petang di Bt 11, Jalan Sungai Sireh, Tanjung Karang
- Taman Sri Andalas: 7 pagi -12 tengah hari di Jalan Sri Sarawak 18, Tmn Sri Andalas

Perlis

- Taman Guru Jaya, Kangar: 9 pagi -10 malam di Taman Guru Jaya, Kangar
- Kampung Santan, Beseri: 7 pagi - 6 petang di Batu 5 Jalan Santan, Beseri.
- Taman Sena Indah: 5 petang -10 malam di Dataran Jubli Emas, Kangar

Perak

- Kampung Simee: 7 pagi -12.30 tengah hari di tapak letak kereta Stadium Perak
- Manjung: 7 pagi - 12 tengah hari bersebelahan Majlis Daerah Sri Manjung
- Behrang: 7 pagi -12 tengah hari di Pasar Awam Behrang Station

Sabah

- Kopungit: 3 petang - 9 malam di Blok D, Kampung Kopungit, Kota Kinabalu
- Tawau: 7 pagi - 6 petang di Jalan Lapangan Terbang Lama, Tawau

Sarawak

- Permai, Sibul: 6 pagi - 6 petang di Taman Permai Sibul
- NBOS Kompleks Persekutuan: 10 pagi - 6 petang di Kompleks Persekutuan, Simpang 3 Kuching.
- Demak Laut: 2 petang - 7 malam bersebelahan Pasaraya Everise dan Kolej TCS

Headline	KENANG JASA PAKAR BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	638 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 25,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 75,400

